

Hak dan Kebajikan Pekerja

Keprihatinan beliau untuk melindungi hak-hak dan kebajikan pekerja di Malaysia terbukti dalam persidangan Dewan Rakyat pada 5 Disember 1988. Tan Sri berani memberikan pandangan kritis terhadap beberapa pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang mana pada pertimbangan beliau beberapa pindaan yang disarankan tidak menyumbang kepada keharmonian industri, sebaliknya mengabaikan hak-hak dan kebajikan para pekerja. Antara isu yang telah beliau debatkan adalah berkaitan pemanjangan tempoh masa tuntutan pengiktirafan semula kesatuan sekerja dari tiga ke enam bulan. Sekiranya pindaan ini diluluskan, ia sudah pasti melemahkan semangat wakil kesatuan sekerja yang sudah siap siaga berjuang menjaga kebajikan pekerja; pada masa yang sama ia memberi ruang kepada pihak pengurusan untuk mengeksploitasi pekerja.

Kedua, beliau juga menentang pindaan yang menafikan hak pekerja untuk mendapatkan representasi luar dalam prosiding konsiliasi bagi kes pemberhentian pekerja; dan akhir sekali, menyentuh aspek penambahan kuasa Menteri Buruh dalam menentukan pengkategorian industri utama dalam sektor ekonomi.

Keprihatinan beliau terhadap kebajikan pekerja tidak terbatas kepada pekerja tempatan sahaja. Memetik kata-kata beliau lewat akhbar bersabit buruh asing;

“...sebagai seorang bekas pemimpin kesatuan sekerja, saya bimbang dengan isu eksploitasi pekerja asing dan memang tidak bersetuju dengan apa-apa jenis eksploitasi terhadap buruh asing di Malaysia...” (Utusan Malaysia, 24 Mei 2012).

Kenyataan ini jelas menunjukkan betapa beliau melihat perlindungan hak dan keadilan terpakai kepada semua pekerja di Malaysia tanpa mengira negara asal.

Prinsip kesamarataan perlindungan antara pekerja tempatan dan pekerja asing ini jelas terpancar melalui pelaksanaan polisi gaji minimum di Malaysia. Berdasarkan Kajian National Employment Return yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia berkaitan upah pada tahun 2009, didapati 33.8 % pekerja (N=1.3 juta) menerima pendapatan bulanan kurang daripada RM700.00; yakni masih di bawah Aras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia iaitu RM720.00 (Semenanjung Malaysia). Kajian tersebut turut menampakkan senario yang lebih kritikal apabila data menunjukkan bahawa daripada 157,301 responden dari negeri Sabah, 63% daripada mereka menerima pendapatan di bawah RM700.00 sebulan. Namun demikian, peratusan tersebut sepatutnya lebih tinggi memandangkan PGK bagi negeri Sabah adalah RM960.00.

Justeru, beliau juga amat memahami peri pentingnya diwujudkan polisi gaji minimum di negara ini. Ia bertujuan memastikan bahawa keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dipenuhi, sekali gus memberikan perlindungan sosial kepada mereka. Sebagai contoh, beliau telah menyeru agar kondisi kehidupan polis diperbaiki dengan menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan kuarters polis.

Hakikatnya, pelaksanaan polisi gaji minimum ini selari dengan aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Sekiranya tiada sebarang inisiatif diambil bagi memperbaiki pendapatan golongan miskin bekerja (*working poor*), sudah pasti impian negara berpendapatan tinggi hanya sekadar mimpi yang mustahil menjadi realiti.

Pengenalan dasar gaji minimum akan dilaksanakan secara objektif bagi meningkatkan pendapatan golongan pekerja miskin dan membantu mereka untuk meningkatkan kualiti hidup ke arah yang lebih baik untuk pekerja dan keluarga mereka secara keseluruhan. Sebenarnya, satu struktur penetapan gaji minimum adalah perlu untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dipenuhi, serta untuk memberi perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja. Ia seterusnya juga akan membantu menggalakkan industri untuk bergerak ke atas rangkaian

nilai yang positif dengan melabur dalam teknologi tinggi dan hal ini bakal meningkatkan produktiviti buruh. Dengan pengenalan gaji minimum ini, masa depan pekerja Malaysia menjadi lebih terjamin, produktif dan membantu menyumbang kepada ekonomi negara. Di samping itu juga, pihak kerajaan perlu mengambil langkah aktif untuk memantau harga barangan dan komoditi kerana sentiasa terdapat kecenderungan peningkatan harga yang tidak munasabah berikutan sebarang kenaikan gaji.

Mengenai isu tenaga kerja dan buruh asing yang merupakan salah satu isu yang sentiasa dibincangkan dengan hangat, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye berpendapat Malaysia masih memerlukan pekerja asing untuk pembangunan ekonominya, isu pekerja asing mendapat liputan media dengan meluas. Namun, beliau bimbang dengan isu eksploitasi pekerja asing dan memang tidak bersetuju dengan apa-apa jenis eksploitasi terhadap buruh asing di Malaysia. Kenyataan bahawa pembantu rumah Indonesia tidak selamat apabila mereka berada di Malaysia dan dijadikan objek eksploitasi, penderaan fizikal dan keganasan adalah berat sebelah, keterlaluan dan boleh memburukkan imej Malaysia di mata negara luar. Hakikatnya, bukan semua pembantu rumah Indonesia di negara ini diberikan layanan yang begitu teruk seperti yang ditohmahkan. Beliau turut tidak menafikan bahawa ada pihak majikan yang mengeksploitasikan dan menindas pembantu rumah tetapi ini merupakan kes bilangan kecil berbanding dengan ribuan pihak majikan yang mengambil amah Indonesia bekerja dengan mereka. Bagi mereka yang terlibat, tindakan undang-undang telah pun diambil untuk mendakwa mereka dan bagi mereka yang didapati bersalah, hukuman telah dikenakan ke atas majikan berkenaan. Rata-rata suri rumah Malaysia pernah menyatakan pembantu warga Indonesia di Malaysia diberikan layanan terbaik, malah dianggap sebagai ahli keluarga majikan sendiri.

Mengenai pembelaan undang-undang untuk pekerja asing di negara kita, Malaysia sudah mempunyai Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 yang mampu menangani masalah migran di negara ini. Sekiranya undang-undang lain diperlukan untuk melindungi pekerja asing, ia boleh dikaji dan dibincangkan secara rasional. Untuk memburuk-burukkan Malaysia di luar negara dengan memberi gambaran yang tidak tepat bukanlah cara dan budaya Malaysia dalam menangani sesuatu masalah di negara ini.

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Suatu Perkongasian Tanggungjawab

Sejak awal tahun 90-an lagi, sudah terpapar keprihatinan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye dalam aspek kebajikan pekerja, khususnya dari sudut keselamatan dan kesihatan pekerja. Beliau menekankan kepentingan pewujudan perundangan khusus untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja memandangkan kebanyakan kemalangan berlaku adalah disebabkan pengetahuan yang terhad terhadap aspek ini. Perhatiannya terhadap isu keselamatan dan kesihatan sehingga tertubuhnya Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Nasional (IKKPN) pada tahun 1992, turut menjadi pemangkin kepada pewartaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Falsafah yang mendasari akta ini adalah elemen konsep pengaturan sendiri yakni setiap pihak sama ada yang mencipta risiko dan bekerja dengan risiko di tempat kerja adalah bersama-sama bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.